

MTUC desak KWSP naikkan kadar caruman pekerja 15%

UM 11 MAC 2002

KUALA LUMPUR 9 Mac — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mendesak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menaikkan kadar caruman majikan untuk pekerja daripada 12 peratus kepada 15 peratus.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, kenaikan kadar caruman itu amat penting demi masa depan para pekerja yang telah bertungkus lumus menghasilkan keuntungan untuk majikan mereka.

Beliau berkata, peningkatan sebanyak tiga peratus itu juga tidak akan membebankan para majikan kerana nilai bayaran tambahan yang perlu mereka jelaskan tidak terlalu tinggi.

“Dalam masa yang sama jumlah

caruman oleh pekerja perlu dikekalkan pada 11 peratus kerana ini nilai sumbangan yang paling sesuai,” katanya di sini hari ini.

Zainal menambah, MTUC telah banyak kali meminta KWSP agar menaikkan caruman oleh majikan namun sehingga kini tiada sebarang keputusan muktamad dibuat walaupun telah dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KWSP.

Katanya, KWSP sepatutnya tidak bimbang untuk menaikkan nilai caruman yang diwajibkan kepada majikan kerana ia sudah tentu akan disambut baik oleh para pekerja serta majikan yang prihatin.

Mengenai keputusan KWSP menaikkan semula nilai caruman pekerja daripada sembilan kepada 11

peratus, Zainal berkata, pihaknya menyambut baik langkah itu.

Tegasnya, keputusan itu juga adalah selaras dengan janji kerajaan yang mahu menaikkan semula caruman pekerja apabila ekonomi negara semakin baik.

Pada 27 Mac tahun lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mencadangkan di Dewan Rakyat untuk mengurangkan kadar caruman pekerja daripada 11 peratus kepada sembilan peratus bertujuan untuk menggalakkan rakyat berbelanja.

Cadangan itu akhirnya dilaksanakan mulai gaji April 2001 hingga sekarang walaupun ditentang oleh MTUC yang menyifatkan langkah itu sebagai merugikan golongan pekerja di negara ini.